

15 JUL 1997

Wawancara-Rasuah

USAHA HAPUS RASUAH PERLU ADA KESUNGGUHAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Usaha menghapuskan amalan rasuah di negara ini perlu disertai dengan kesungguhan politik yang kuat kerana kini sudah terdapat anggapan bahawa amalan rasuah "boleh diterima," kata seorang tokoh wartawan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata rasuah kini menjadi satu urusan niaga dan diterima sebagai satu budaya yang menyerap dalam masyarakat.

"Satu contoh paling jelas ialah ada pihak yang tidak menyedari mereka mengamalkan rasuah sehingga Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) berkata jangan anjurkan lawatan ke luar negara," katanya dalam program Wawancara bertajuk "Gejala Rasuah Dalam Pembangunan Negara" yang disiarkan melalui RTM 1, malam ini.

Zainuddin, bekas ketua pengarang Kumpulan Utusan, berkata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri mengakui wujud gejala tidak sihat itu di kalangan ahli politik berikutan perkembangan ekonomi negara yang dikatakan membolehkan "pemberian dan penerimaan yang lebih besar."

Katanya, sejarah menunjukkan bahawa amalan rasuah yang berleluasa menyebabkan keruntuhan seperti yang berlaku kepada Dinasti China.

Seorang lagi ahli panel, Ketua Cawangan Unit Perancang dan Koordinasi Badan Pencegah Rasuah (BPR) Abu Kassim Mohamed berkata BPR akan melihat sistem dan prosedur jabatan kerajaan untuk mengkaji sekiranya ada ruang berlakunya rasuah.

"Ini bagi membolehkan tindakan diambil untuk mengatasinya. BPR bertindak secara proaktif untuk pencegahan jangka panjang seperti yang dibuat terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan," katanya.

"Dahulu kita perlu tunggu setengah ke satu hari untuk sesuatu urusan...dan kerana perlu tunggu ada yang sanggup bayar untuk cepatkan. Melalui komputer kita dah cepatkan proses dan orang tidak lagi perlu bayar rasuah," katanya.

Beliau berkata punca utama rasuah ialah apabila adanya kuasa dan ada sikap tamak serta ada peluang melakukannya.

Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Datuk Khalid Ibrahim pula mendedahkan bahawa melalui pengalaman beliau dalam dunia perniagaan, gejala rasuah dianggap sebahagian daripada urusan niaga.

"Ini bererti mereka (ahli perniagaan) terpaksa membuat sogokan untuk melaksanakan urusan niaga. Mereka akan menganggap ia sebahagian daripada kos. Dari segi minda ia akan dianggap perkara biasa dan ini merupakan perkara yang menakutkan," katanya.

Khalid berkata teori untuk membanteras rasuah ialah dengan mengenalpasti pemilik modal kerana "hanya orang yang berduit yang boleh menjalankan usaha rasuah ini."

Beliau mencadangkan penubuhan satu badan bebas yang dapat mengkaji cara mengatasi rasuah.

Badan itu perlu diwakili pelbagai pihak seperti pakar undang-undang, perakaunan, komputer dan wakil badan korporat yang bebas untuk menasihatkan dan memberi maklumat terbaru kepada BPR dan kerajaan tentang proses-proses rasuah, katanya. -- BERNAMA

RAZ ZAI AKD